




Tamil Selvam menunjukkan air **sungai belihoi tercemar** akibat kegiatan korek pasir.



Kegiatan korek pasir menyebabkan air Sungai Belihoi di Mantin tercemar.

[FOTO AMIRUL NUBLI WAN AHMAD/ BH]



bongan pasir.

Pada peringkat awalnya, penduduk menyangka keadaan itu cuma kesan sementara. Nyata, ia berterusan kerana kegiatan berhampiran sungai, membatikan pembersihan pasir menyebabkan lebih air mengalir masuk ke dalam sungai itu.

Paling terjejas ialah keluarga penternak haiwan, R Tamil Selvam, 47, yang tinggal di Kilometer 7 Jalan Seremban-Mantin, berhampiran Kampung Belihoi.

Keluarganya yang menternak lembu dan kambing di situ sejak 30 tahun lalu bergantung sepenuhnya kepada air sungai untuk kehidupan harian, termasuk minum dan memasak kerana tidak mendapat bekalan air paip.

Berikutan tidak larat kerana terpaksa keluar mendapatkan air di tempat lain setiap hari, Tamil Selvam melaporkan masalah itu kepada pihak berkuasa, dengan harapan tindakan diambil.

"Ia bukan masalah saya seorang. Isu lebih besar ialah pencemaran sungai dibiarkan berlaku tanpa pengawasan dan tindakan tegas," katanya kepada BH.

Katanya, adakalanya terpaksa mandi menggunakan air sungai itu apabila bekalan air kehabisan, namun ia menyebabkan tubuh mereka gatal.

V Chinnama Saroja, 67, berkata beberapa bulan lalu kejadian sama berlaku disebabkan kegiatan sebuah kilang membancuh simen yang beroperasi berhampiran sungai itu.

"Selepas membuat aduan kepada pihak berkuasa, difahamkan kilang berkenaan ditutup. Namun, tidak lama

kemudian, sungai ini kembali terancam. Kami mohon pihak berkuasa terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat pemantauan rapi terhadap sebarang kegiatan berhampiran sungai," katanya.

"Ia bukan masalah saya seorang. Isu lebih besar ialah pencemaran sungai dibiarkan berlaku tanpa pengawasan dan tindakan tegas"

R Tamil Selvam,
Penternak haiwan



Pengendali diminta sedia kolam enapan

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Hashim Osman (**gambar**), berkata secara umum aktiviti itu melanggar garis panduan JPS.

"Pengendali perlu menyediakan tiga kolam enapan di kawasan perlombongan pasir bagi membersihkan air yang digunakan dalam proses itu sebelum dilepaskan ke sungai.

"JPS akan menjalankan siasatan lanjut mengenai operasi itu, termasuk sama ada mempunyai permit atau tidak. Jika pengendali didapati melanggar syarat, kita akan meminta Pejabat Tanah Daerah Seremban mengambil tindakan," katanya.

'Sekeruh teh susu'

» Kegiatan perlombongan pasir kotorkan sungai, jejas penduduk

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

► Mantin

Dulu, air Sungai Belihoi, di sini, jernih. Sekarang, warnanya sekeruh teh susu akibat keladak yang dipercayai berpunca daripada kegiatan perlom-